

24/10/1999

Guru dikenal pasti (HL)

Hassan Omar

ALOR STAR: Seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena dekat sini dikenal pasti menyediakan kertas soalan Matematik berunsur politik dengan tujuan menimbulkan kebencian pelajar terhadap kerajaan dan pemimpin.

Daripada 24 soalan bahagian A dalam kertas itu, empat daripadanya menyebut nama seperti "Det", `Daem', `Mirzan', `Zani', `Umihalf', `Rafida', `Patail', `Eric', `Chia' dan `Tingpeking'. Soalan itu juga menyebut mengenai "mahligai" dan "khadam".

Berita Minggu difahamkan, guru berkenaan sudah dipanggil menemui Pengarah Jabatan Pendidikan Kedah, Hassan Hashim dan mengaku membuat soalan berkenaan tetapi hanya untuk `berjenaka.'

Setakat ini, Bahagian Tatatertib Jabatan Pendidikan Kedah masih mengumpul maklumat terperinci mengenai kes itu dan tidak menolak kemungkinan akan mengambil tindakan sama ada memindahkan ke negeri lain atau memecatnya.

Sumber jabatan itu berkata, guru lelaki berusia 42 tahun berasal dari Johor itu baru ditukarkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena selepas berkhidmat beberapa tahun di Sabah.

Di PEKAN, PAHANG, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata guru itu menggantikan soalan yang disediakan oleh jawatankuasa penyediaan soalan mata pelajaran dengan soalan yang direkanya sendiri pada ujian bulanan sekolah tiga minggu lalu.

Katanya, set soalan itu, yang menyebut Ujian Bulanan Terpusat, SMK Jabi, diberikan kepada dua kelas saja, bukan seluruh sekolah.

Najib berkata kementerian menjalankan siasatan berdasarkan laporan ibu bapa sekolah berkenaan kepada pejabat Menteri Besar Kedah dan meminta Jabatan Pendidikan negeri menyasiat. Siasatan menunjukkan dakwaan itu benar. Kesalahan guru itu dianggap serius dan melanggar disiplin.

"Saya meminta Ketua Pengarah Pendidikan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya berdasarkan maklumat yang dimaklumkan kepada kementerian," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Pejabat Perdana Menteri mengedarkan salinan kertas ujian bulanan Matematik SMK Jabi, Pokok Sena, Kedah yang mengandungi beberapa soalan menyelitkan unsur kebencian kepada kerajaan dan pemimpin.

Salinan kertas ujian itu diedarkan bagi memenuhi janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa beliau akan mengedarkan salinan soalan berkenaan kepada media.

Perdana Menteri pada sidang media di akhir lawatan dua harinya ke Kedah, mendedahkan ada guru di negeri itu yang sengaja menyediakan soalan peperiksaan berunsur politik dengan memburuk-burukkan pemimpin kerajaan dan beliau mempunyai bukti set soalan Matematik yang dirangka oleh guru itu untuk pelajarannya.

Dr Mahathir kesal dengan perbuatan guru terbabit dan meminta guru, sebagai kakitangan kerajaan, menghentikan perbuatan seumpama itu kerana mereka terikat dengan peraturan yang melarang mencampuradukkan politik dengan tugas.

(END)